Date: 11-09-2008
Author: Christine Lim

# ATCEN-CSR

KUALA LUMPUR, Sept 11 (Bernama) -- Atcen International Group, a service provider of people and brand development, plans to organise two Corporate Social Responsibility (CSR) projects to promote positive development among the Malaysian public.

Founder and Group Chief Executive Officer of Atcen, Ernie Chen said the first project, scheduled in Kuala Lumpur November this year, seeks to address issues on developing presentation skills among Malaysian graduates and those seeking employment.

"It will be done in a series of free eight hours of straight non-stop motivational and confidence talk, open to the Malaysian public," he said.

Chen himself will be delivering one of the longest motivational talk focusing on motivation, development of good skill and the determination of the human spirit.

Kuala Lumpur-born Chen is an internationally certified speaking professional and a trainer. He has written a book entitled "10 Ultimate Tips for Confidence."

On the second project, called "Stand Out, Speak Up, Stay Safe", he said it is aimed at empowering children to speak out and protect themselves.

The event, which will showcase children safety awareness and Akido workshop, will be held sometime in the first quarter of next year."We will try to bring this project to Malaysian schools, to create awareness among teachers and school children.

"We are passionate in our CSR campaign. We hope to get corporate participation in our campaign," Chen said in an interview with Bernama.

Last month, Chen spearheaded a community project called the "Great Orange Charity Drive".

With paint sponsored by Nippon Paint Malaysia, the staff of Acten repainted Rumah K.I.D.S in Klang, a home for abandoned and orphaned girls as well as those from single-parent households.--BERNAMA

CL MAD SD

ate: 11-09-2008
Author: / CL MAD SD AHM

# ATCEN-CSR

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Atcen International Group, satu kumpulan penyedia perkhidmatan pembangunan insan dan jenama, merancang menganjurkan dua projek Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) untuk menggalakkan pembangunan positif di kalangan orang awam Malaysia.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Atcen Ernie Chen berkata projek pertama yang dijadualkan di Kuala Lumpur November ini ingin menangani isu membangunkan kemahiran persembahan di kalangan graduan dan pencari pekerjaan.

"Projek itu akan dilaksanakan dalam satu siri ceramah motivasi dan keyakinan secara terus menerus tanpa henti selama lapan jam, yang dibuka kepada orang ramai Malaysia, terutama sekali tentang membangunkan kemahiran persembahan di kalangan graduan Malaysia yang mencari pekerjaan," katanya.

Chen sendiri akan menyampaikan salah satu ceramah motivasi terpanjang yang memberi fokus tentang motivasi, pembangunan kemahiran yang baik dan keazaman semangat insan.

Chen yang dilahirkan di Kuala Lumpur merupakan seorang penceramah profesional bertauliah antarabangsa dan seorang jurulatih. Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk "10 Ultimate Tips for Confidence."

Tentang projek kedua yang dinamakan "Stand Out, Speak Up, Stay Safe" (Berdiri, Bercakap, Selamat) katanya bermatlamat memperkasakan kanak-kanak untuk bercakap dan melindungi diri mereka sendiri.

Acara itu yang akan menunjukkan kesedaran kanak-kanak dan bengkel Akido, akan diadakan dalam suku tahun pertama tahun depan.

"Kami akan cuba membawa projek ini ke sekolah-sekolah Malaysia, untuk mewujudkan kesedaran di kalangan guru dan kanak-kanak sekolah," katanya kepada Bernama sambil menyatakan berharap mendapat kerjasama penyertaan korporat dalam projek berkenaan.

Bulan lepas, Chen mengetuai projek komuniti bernama "Great Orange Charity Drive", yang ditaja oleh Nippon Paint Malaysia.

Kakitangan Acten telah mengecat Rumah K.I.D.S di Klang, sebuah rumah bagi kanak-kanak yang ditingalkan dan anak yatim serta mereka yang berasal dari keluarga ibu tunggal.

-- BERNAMA